

19 MAY 1996
Mahathir-MSA

DR MAHATHIR ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN AHLI PERNIAGAAN TERKEMUKA AS

Oleh: Salmy Hashim

SAN FRANCISCO, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini pada Sabtu akan meneruskan strateginya untuk menarik syarikat-syarikat teknologi maju supaya melabur di Koridor Super Multimedia (MSC) Malaysia.

MSC yang dicadangkan itu akan menganjur dari Pusat Bandararaya Kuala Lumpur hinggalah ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Lawatan Perdana Menteri ke San Francisco dan Washington DC, sebaik selepas lawatan kerja yang padat di Jepun, dipenuhi dengan ucapan dan mesyuarat.

Semasa berada di sini beliau juga akan menemui lapan senator, ahli-ahli perniagaan terkemuka Amerika Syarikat (AS) dari syarikat-syarikat multi nasional berteknologi tinggi dan akan melawat Taman Universiti Teknologi Stanford, Muzium Discovery San Francisco serta Sun Microsystems, Inc., sebuah syarikat teknologi komputer.

Sun Microsystems ialah pencipta Java, satu perisian yang memudahkan pengguna komputer memasuki Internet.

Stephen J. Sparrow, seorang pengurus di sebuah syarikat Silicon Valley menjelaskan Java boleh dipakai di sekolah-sekolah, hospital, pejabat kerajaan, dan juga oleh ahli perniagaan dan kilang-kilang.

"Ia membawa Internet secara langsung dengan imej-imej Bergeraknya dan sudah pasti boleh mengubah cara kita menjalankan perniagaan."

Pada perhimpunan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Islam Amerika (CCI) di sini pada Sabtu, Dr Mahathir memberitahu anggota dewan itu bahawa beliau berada di AS untuk menarik industri teknologi tinggi seperti syarikat-syarikat membuat perisian komputer untuk menempatkan kilang mereka di Malaysia terutama dalam MSC yang dicadangkan itu.

MSC ialah sebuah kawasan seluas 15 km kali 40 km, menghubungkan KLCC, pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya dan KLIA yang dijangka siap pada 1998. Ketiga-tiga projek besar ini dijangka menjadi pasaran besar bagi barangan dan perkhidmatan pelbagai media dan memberi khidmat kepada pasaran-pasaran rantau ini.

Strategi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) ialah untuk meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia dalam teknologi tinggi agar mereka boleh meningkatkan pendapatan masing-masing kerana negara berusaha mengurangkan pergantungannya kepada pekerja asing.

Malaysia yang telah mencapai kadar pengangguran hampir sifar, mempunyai lebih satu juta pekerja asing yang bekerja di negara itu.

Tetapi jika pekerja Malaysia terus meminta gaji yang tinggi tanpa memperbaiki kemahiran mereka, "kami tidak akan mendapat pasaran," kata Dr Mahathir kepada ahli perniagaan yang memenuhi bilik berkenaan untuk mendengar dan mengetahui lebih banyak lagi mengenai corak kepimpinan beliau yang mengkagumkan dan cerita kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara kecil Islam yang sedang membangun.

Perdana Menteri itu juga akan menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian persefahaman antara Renong Bhd dan Owen Pharmaceuticals, serta antara Sapura Holdings dan Chaparral Communications.

Pada Isnin, beliau akan merasmikan Dialog Rakan Kongsi Teknologi Perniagaan Malaysia-AS, sebuah forum untuk menarik syarikat-syarikat berteknologi tinggi AS melabur di Malaysia.

Dialog sehari itu menarik kira-kira 200 ahli perniagaan Malaysia Amerika Syarikat dianjurkan bersama oleh Institut Majlis Ekonomi Lembangan

Pasifik (PBEC) Malaysia. -- BERNAMA
SH CR PR